



[DK287(W)]

KPBKL
KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat milik *Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)* yang beroperasi sebagai institusi pendidikan yang dikenali sebagai **Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)**. Pihak kami amat mengambil berat mengenai perlindungan data peribadi anda. Kami mengumpul data peribadi iaitu nama, alamat rumah, alamat e-mel, nombor telefon dan nombor akaun anda. Kami mendapatkan data peribadi anda daripada borang pendaftaran pelajar / penyewa / peserta program semasa mendaftar di KPBKL/IPB.

1. Adalah dimaklumkan, dengan mendaftar maklumat di KPBKL, anda dengan ini bersetuju bahawa Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) **DIBENARKAN** mengumpul, memperoleh, menyimpan dan memproses data peribadi yang anda berikan ini untuk tujuan menerima kemas kini, berita, surat promosi atau maklumat lain dari KPBKL.
2. Untuk tujuan mengemas kini atau memperbetulkan data tersebut, anda pada bila-bila masa boleh memohon kepada KPBKL untuk mempunyai akses ke data peribadi anda yang disimpan oleh KPBKL di 03-92814054 samb. 2110/2111.
3. Anda dengan ini **memberikan persetujuan** kepada KPBKL untuk:-
 - a. Menyimpan dan memproses data peribadi anda.
 - b. Mendedahkan data peribadi anda kepada lain-lain agensi kerajaan yang berkepentingan atau pihak ketiga yang berkenaan di mana dikehendaki oleh undang-undang atau untuk tujuan undang-undang berkaitan KPBKL.
4. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi merangkumi semua data yang ditentukan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk semua data yang telah anda dedahkan kepada KPBKL.

“KERANA ILMU ITU UNTUK BERBAKTI”

ROKIAH YUNUS
PENDAFTAR
PEJABAT PENDAFTAR
KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR